



PEMBERITAHUAN

JEMPUTAN UNTUK PENDAFTARAN PEPERIKSAAN RADIO AMATUR BERKOMPUTER SECARA DALAM TALIAN

CYBERJAYA, 9 Julai 2021 --- Sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah menangguhkan semua sesi Peperiksaan Radio Amatur Berkomputer yang dijalankan di 18 Pusat Internet Komuniti (PIK) seluruh negara sebagai langkah berjaga-jaga ekoran penularan pandemik COVID-19.

Bagaimanapun, bagi memenuhi permintaan yang tinggi, MCMC telah mengambil keputusan untuk melaksanakan sesi Peperiksaan Radio Amatur Berkomputer secara dalam talian sepanjang tempoh PKP.

Peperiksaan Radio Amatur Berkomputer secara dalam talian ini terbuka kepada semua yang memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

1. Kelayakan menduduki Peperiksaan Radio Amatur Kelas B:
 - a. Berumur 14 tahun ke atas pada hari ujian dilangsungkan;
 - b. Warganegara atau Penduduk Tetap Malaysia; dan

2. Keperluan teknikal untuk menduduki peperiksaan di dalam talian:
 - a. Mempunyai akses kepada komputer/ komputer riba/ tablet;
 - b. Mempunyai kamera web dan mikrofon;
 - c. Mempunyai akses kepada pelayar web (*browser*);
 - d. Mempunyai sambungan Internet yang stabil (minimum 10 Mbps); dan
 - e. Mempunyai akses kepada aplikasi *virtual meeting platform* Zoom.

Pendaftaran untuk sesi peperiksaan bagi bulan Julai telah dibuka dan orang ramai yang berminat dijemput untuk mendaftarkan diri di pautan <https://forms.gle/AMSBqky7qsZoFieXA>.

Pengesahan pendaftaran serta tarikh sebenar peperiksaan akan dimaklumkan melalui e-mel kepada calon-calon yang memenuhi syarat-syarat di atas. Tarikh tutup pendaftaran bagi sesi bulan Julai adalah pada **16 Julai 2021 (5.00 petang)**. Sila hubungi **Encik Mohd Haffiz bin Mohamad (010-8314431)** atau **Encik Wan Amir Alauddin bin Wan Sharifuddin (011-57792150)** untuk sebarang pertanyaan.

JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

www.mcmc.gov.my